

SULIT

012

Bahasa
Melayu 012
TAMBAH NILAI UPSR
2010
1 ¼ jam

NO. KAD PENGENALAN/NO. SURAT BERANAK

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

Disediakan Oleh:

*Guru Akram, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu
dengan Pembiayaan Kerajaan Negeri Terengganu*

BAHASA MELAYU

Penulisan

Tambah Nilai UPSR

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak-petak yang disediakan.
1. Kertas soalan ini mengandungi tiga Bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
3. Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2 atau Soalan 3.
4. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.

Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
Jumlah Markah		60

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak Oleh:

*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*



Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan 15 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti dalam gambar di bawah.



Bahagian B

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 40 minit]

Pilih satu daripada tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

- 1 Semua murid digalakkan supaya bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.
Tulis sebuah karangan tentang kebaikan-kebaikan bergiat cergas dalam aktiviti kokurikulum.

ATAU

- 2 Sekolah kamu akan menyertai pertandingan kebersihan dan keceriaan peringkat daerah. Kamu dan kawan kamu berbual-bual mengenai persediaan yang perlu dilakukan untuk menyertai pertandingan tersebut.
Tulis perbualan kamu dengan kawan kamu selengkapnya.

ATAU

- 3 Kamu telah berpeluang mengunjungi pameran buku di tempat kamu bersama-sama guru dan rakan-rakan kamu.
Ceritakan pengalaman kamu itu.

Bahagian C

[20 markah]

[Masa dicadangkan : 20 minit]

Tulis lima nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Hani gemar membaca buku. Bagi Hani hobi itu amat menguntungkannya kerana menerusi pembacaan, banyak maklumat dapat diperoleh. Hani sebenarnya ulat buku.

Pada suatu hari, Hani dibawa oleh ayah dan ibunya ke majlis penyampaian anugerah “Tokoh NILAM” peringkat negeri. Dia begitu bersemangat apabila berada dalam majlis tersebut.

“Nilam tu apa maksudnya ayah? Saya terlupa perkataan penuhnya,” tanya Hani dengan penuh minat. “Hani, NILAM ialah singkatan bagi Nadi Ilmu Amalan Membaca. Program NILAM dilaksanakan untuk mengelakkan generasi masa depan daripada menjadi seperti katak di bawah tempurung,” jelas ayahnya. “Bagaimanakah saya boleh menerima anugerah itu, ayah?” Hani bertanya. “Hani perlu membaca lebih banyak buku. Hani juga mesti rajin meminjam buku dari perpustakaan,” ujar ayahnya.

Sejak hari itu, minat Hani untuk membaca kian meningkat. Dia berazam untuk mengikut jejak Tokoh NILAM. Dia bukan sekadar membaca, malahan turut mencatat kosa kata baharu yang ditemukannya. Dia merujuki kamus untuk mencari makna kosa kata yang agak asing baginya.

Hobi membaca yang diamalkan oleh Hani menggembirakan seluruh anggota keluarganya. Guru-guru di sekolahnya dapat mengesan minat Hani itu. Markah ujian bulanannya, khususnya bagi ujian penulisan, meningkat secara mendadak.